

23/07/2001

BN catat sejarah di Likas: Pak Lah

at; Amad Bahri Mardi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, parti pembangkang ketandusan isu untuk ditimbulkan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, sehingga mengalami kekalahan teruk.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebaliknya kemenangan calon Barisan Nasional (BN) memang sudah dijangka dari awal lagi dan lebih manis apabila majoritinya jauh lebih besar.

"Sepanjang masa saya berkempen, beberapa kali saya sudah buat kenyataan. Saya kata, dalam pilihan raya ini, BN menang dan dengan majoriti yang lebih dan ia betul.

"Tetapi daripada awal dah (pembangkang)...tak ada isu. Kita juga menang semua peti undi, peti undi (kawasan tertentu) yang dulu tak pernah menang, pun menang.

"Ini satu sejarah bagi BN di Likas," katanya selepas melancarkan program pendidikan Pusat Sri Murugan (SMC) di Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, di Brickfields, dekat sini hari ini.

Calon BN, Datuk Yong Teck Lee yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), memperolehi 9,758 undi, mengalahkan tiga pencabar lain dengan majoriti 7,541 undi.

Dr Chong Eng Leong dari Parti Bersatu Sabah (PBS) memperolehi 2,217 undi, Christina Liew dari Parti Keadilan Nasional (1,724 undi) dan calon bebas, Joshua Kong (50 undi), hilang wang pertaruhan.

Mengenai kemungkinan calon yang tewas akan mengemukakan petisyen di Mahkamah Pilihan Raya, beliau berkata: "Itu tak tahulah, tanya dia orang. Saya tidak mahu ulas mengenainya."

Di PEKAN, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kemenangan BN itu adalah satu kemenangan mutlak yang tidak boleh lagi dipersendakan oleh mana-mana pihak.

"Kalau dia (pembangkang) kata kita menang kerana pengundi hantu, sekarang senarai pengundi telah dibersihkan, sudah diakui Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa tidak lagi ada pertikaian, maka kemenangan kita adalah mutlak.

"Ini jelas dalam amalan demokrasi yang berjalan dalam keadaan bersih, BN tetap mencapai kejayaan," katanya selepas menghadiri majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Bandar Chini, dekat sini hari ini.

Di KOTA TINGGI, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan kemenangan besar BN pada pilihan raya kecil itu jelas membuktikan bahawa PBS terus ditolak oleh rakyat Sabah.

Beliau yang juga Pengerusi BN negeri berkata, pada masa yang sama, penyertaan Keadilan pula dilihat sebagai parti yang tidak berpengaruh dan tidak mendapat sokongan rakyat negeri itu.

"Berdasarkan undi yang diterima oleh calon BN, ia jelas menunjukkan keyakinan rakyat Sabah untuk terus bernaung di bawah kepimpinan kerajaan BN.

"Melalui pilihan raya kecil ini juga dapat dibuktikan bahawa parti pembangkang, terutama PBS dan Keadilan tidak mendapat tempat di hati rakyat Sabah," katanya selepas majlis penyampaian anugerah sempena sambutan Hari Belia Negara peringkat negeri di Padang Bukit Kerajaan, hari ini.

Di GUA MUSANG, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas sudah menduga kemenangan besar BN berikutan kempen besar-besarnya bagi menewaskan calon daripada parti pembangkang.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan kemenangan itu sebagai tidak `gentleman' kerana BN didakwa menggunakan pelbagai kuasa yang ada tanpa kebebasan amalan demokrasi.

Beliau berkata, kempen parti pembangkang terhadap kepada ceramah umum dan tidak dilaporkan oleh media massa untuk diperluaskan kepada rakyat terbanyak.

"Pembangkang banyak dihalang untuk bersuara bagi menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat, jadi kita hanya harapkan akhbar rasmi Pas... itupun disekat pengeluarannya," katanya selepas majlis pengislaman penduduk Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, hari ini.

Di ALOR STAR, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata kemenangan BN itu membuktikan tohmahan pembangkang terhadap Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak diterima rakyat.

Beliau berkata, Datuk Yong Teck Lee menunjukkan tohmahan pembangkang sama ada melalui ceramah politik atau internet terhadap Dr Mahathir mampu dipertimbangkan secara rasional oleh rakyat.

"Kemenangan ini adalah hadiah besar kepada Dr Mahathir kerana beliau sering ditohmah pelbagai tuduhan. Bagaimanapun, kemenangan BN di Likas membuktikan pengundi dan rakyat menolak tohmahan itu.

"Ia juga menunjukkan BN akan terus diterima sebagai parti tunggal yang mampu memberikan pembangunan berterusan kepada negara.

"Rakyat tidak mahukan ketidakstabilan politik kerana ia akan hanya menyebabkan ekonomi negara menjadi tidak menentu. Kejayaan BN adalah bukti rakyat bijak membuat pertimbangan, meskipun BN diserang dengan pelbagai tohmahan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, hari ini.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata kemenangan itu jelas menjadi petanda kepada pembangkang, khususnya Pas, DAP dan Keadilan bahawa kehadiran mereka tidak diperlukan oleh penduduk Sabah.

Mengenai ramai pengundi yang tidak keluar mengundi, beliau menjelaskan ini mungkin disebabkan mereka takut dikesan sebagai pengundi hantu, sekali gus kad pengenalan mereka boleh dirampas.

Di MIRI, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata kejayaan BN itu memberi isyarat bermakna kepada parti komponen BN Sarawak untuk menghadapi pilihan raya negeri kelapan.

Timbalan Ketua Menteri itu berkata, kemenangan calon BN adalah bukti kukuh rakyat negara ini sentiasa yakin dan percaya dengan kemampuan BN untuk membangunkan kawasan mereka.

Katanya, kejayaan itu juga jelas menunjukkan parti pembangkang di negara ini khususnya di Sabah dan Sarawak tidak lagi mendapat sokongan rakyat dan sebaliknya, sentiasa mahu mengekalkan pemerintahan kerajaan BN.

(END)